



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah

VoA 2021
Volume 17 Issue 2

COMMITTEE PAGE

Advisory Board

Professor Dr. Mohamad Abdullah Hemdi

Campus Rector

Associate Professor Ts. Dr. Azhari Md Hashim

Deputy Rector, Research and Industrial Linkages Department

Chief Editor

Dr Junaida Ismail

*Faculty of Administrative & Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah*

Editorial Team

Aishah Musa,

*Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Etty Harniza Harun,

*Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Mohd Nazir Rabun

*Faculty of Administrative Science and Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Syahrini Shawalludin

*Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Suhaida Abu Bakar

*Academy Contemporary of Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Khairul Wanis Ahmad

*Facility Management & ICT Division,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia*

Editorial Board

Professor Dr Diana Kopeva,
University of National and World Economy,
Sofia, Bulgaria

Professor Dr Kiymet Tunca Caliyurt,
Faculty of Accountancy,
Trakya University, Edirne, Turkey

Prof Sivamurugan Pandian,
School of Social Science,
Universiti Sains Malaysia

Dr. Simon Jackson
Faculty of Health, Arts and Design,
Swinburne University of Technology Melbourne, AUST

Professor Dr M. Nauman Farooqi,
Faculty of Business & Social Sciences,
Mount Allison University, New Brunswick, Canada

Prof Madya Dr Wan Adibah Wan Ismail
Faculty of Accountancy,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Azlyn Ahmad Zawawi,
Faculty of Administrative Sciences & Policy Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Azzyati Anuar
Faculty of Business Management,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Neesa Ameera Mohammed Salim
Faculty of Art & Design,
Universiti Teknologi MARA, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Muhamad Khairul Anuar Zulkepli
Academy of Language Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Dr Mohd Nasir Ayub
Academy Contemporary of Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia

Content Reviewer

Associate Professor Dr Zalinda Othman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Associate Professor Dr Fadzilah Azni Ahmad
Universiti Sains Malaysia

Associate Professor Dr Mahadir Ladisma @ Awis
Universiti Teknologi MARA

Associate Professor Dr Noor Zahirah Mohd Sidek
Universiti Teknologi MARA

Associate Professor Dr Roziya Abu
Universiti Teknologi MARA

Associate Professor Dr Wan Adibah Wan Ismail
Universiti Teknologi MARA

Dr Ainul Azmin Md Zamin
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Dr Azlyn Ahmad Zawawi
Universiti Teknologi MARA

Dr Azyyati Anuar
Universiti Teknologi MARA

Dr. Dahlia Ibrahim
Universiti Teknologi MARA

Dr Mahadzir Ismail
Universiti Teknologi MARA

Dr Mohd Nasir Ayob
Universiti Teknologi MARA

Dr Muhamad Khairul Anuar Zulkepli
Universiti Teknologi MARA

Dr Noorhaslinda Abd Rahman
Universiti Sains Malaysia

Dr Norhidayah Ali
Universiti Teknologi MARA

Dr Nur Zafifa Kamarunzaman
Universiti Teknologi MARA

Dr Radzliyana Radzuan, AIIA
Universiti Teknologi MARA

Dr Siti Zuliha Razali
Universiti Sains Malaysia

Language Reviewer

Dr Wan Irham Ishak
Universiti Teknologi MARA

Aishah Musa
Universiti Teknologi MARA

Azlan Abdul Rahman
Universiti Teknologi MARA

Bawani Selvaraj
Universiti Teknologi MARA

Ho Chui Chui
Universiti Teknologi MARA

Juwairiah Osman
Universiti Malaysia Pahang

Nor Aslah Adzmi
Universiti Teknologi MARA

Robekhah Harun
Universiti Teknologi MARA

Samsiah Bidin
Universiti Teknologi MARA

Sharina Saad
Universiti Teknologi MARA

Shafinah Mohd Salleh
Universiti Teknologi MARA

Allahyarhamah Zetty Harisha Harun
Universiti Teknologi MARA

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2021 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

THE LUXURY VALUE PERCEPTION: MALAYSIAN EMOTIONAL INTELLIGENCE TOWARDS PURCHASE INTENTION Arunnaa a/p Sivapathy*, Safwan Marwin Abdul Murad ²	1 -10
THE IMPACT OF HALAL BRAND PERSONALITY AND ONLINE BRAND TRUST ON THE ONLINE HALAL FOOD PURCHASE INTENTION: A CONCEPTUAL PAPER Musdiana Mohamad Salleh*, Etty Harniza Harun ²	11 -24
TAFSIR TEMATIK: ISTILAH AL-FULK DALAM AL-QURAN Siti Aisyah Yusof*, Noor Syahidah Mohamad Akhir ² , Muhammad Saiful Islami Mohd Taher ³ , Azrul Shahimy Mohd Yusof ⁴	25 - 35
AIR MALAYSIA POLLUTION INDEX GENERATION BY USING FUZZY LOGIC AIR QUALITY INDEX (FLAQI) SYSTEM Mohd Fazril Izhar Mohd Idris*, Siti Asma Mohamad Tohir ² , Khairu Azlan Abd Aziz ³	38 - 49
STRESSORS AND ACADEMIC PERFORMANCE AMONG PART-TIME STUDENTS IN A PUBLIC UNIVERSITY IN MALAYSIA Siti Rapidah Omar Ali*, Nurulain Ajit ² , Nur Shafini Mohd Said ³ , Khalid Amin Mat ⁴ , Nasiha Abdullah ⁵	50 - 61
KEPENTINGAN DAN SARANAN MENUNTUT ILMU MENURUT ISLAM BERDASARKAN DALIL AL-QURAN DAN AS-SUNNAH Aemy Aziz, Muhammad Anas Ibrahim ² , Muhammad Saiful Islam Ismail ³ , Syaimak Ismail ⁴	62- 71
PREFERENCE TO PURCHASE ENTRANCE TICKETS ONLINE: A CASE STUDY OF ESCAPE PARK, PENANG Khor Poy Hua*, Nur Dinie Mustaqim Abdul Wahab ² , Lim Khong Chiu ³	72 - 89
MODELLING PUBLIC PERCEPTION OF ROHINGYA REFUGEES USING STRUCTURAL EQUATION MODELLING (PLS) IN MALAYSIA Mohd Ramlan Mohd Arshad*, Mohd Na'eim Ajis ² , Aizat Khairi ³	90 - 102
THE INFLUENCE OF SOCIALIZATION ON EMPLOYEES' ASSIMILATION TACTICS IN MALAYSIAN MNC ORGANIZATIONS Kardina Kamaruddin*, Noor Malinjasari Ali ² , Nurul Nadzirah Azizan ³	103 - 131
INTELLECTUAL CAPITAL EFFICIENCY OF LISTED SMES IN MALAYSIA Hapsah S.Mohammad *	132 - 139
THE IMPACT OF JOB STRESS ON JOB SATISFACTION AMONG ACADEMICS OF PUBLIC UNIVERSITY IN SELANGOR Nur Shafini Mohd Said*, Nurfarhana Ilyia Mazelan ² , Siti Rapidah Omar Ali ³ , Khalid Amin Mat ⁴ , Nasiha Abdullah ⁵	140 - 146
CONTRIBUTING FACTORS ON CUSTOMER RETENTION FOR SUSTAINABILITY OF MALAYSIAN COMMERCIAL BANKS Chim Weng Kong*, Maria Abdul Rahman ²	147 - 157

DETECTION OF THE CORNER POINTS FROM A MAP Siti Sarah Raseli *, Norpah Mahat ² , Afina Amirhussain ³	158 - 163
INDUSTRIAL REVOLUTION 4.0 & ACADEMIC LIBRARIANS: WHERE ARE WE NOW? Asmadi Mohammed Ghazali*, Abd Latif Abdul Rahman ² , Nor Hidayah Othman ³	164 - 176
EDUCATIONAL CARD GAME FOR CHINESE CHARACTER LEARNING Ting Hie Ling*, Lam Kai Chee ²	177 - 185
THE RELATIONSHIP BETWEEN E-TRAINING, MOTIVATION AND JOB PERFORMANCE DURING MOVEMENT CONTROL ORDER Nur Atiqah Adnan*, Shaiful Annuar Khalid ²	186 - 198
PENJANAAN HASIL WAKAF MENERUSI KAEDAH IJARAH DALAM KELESTARIAN SEKOLAH TAHFIZ SWASTA DI MALAYSIA Noor Syahidah Mohamad Akhir *, Azrul Shahimy Mohd Yusof ² , Sakinatul Raadiyah Abdullah ³ , Asmadi Mohammed Ghazali ⁴ , Rohayati Hussin ⁵	199 - 209
THE RELATIONSHIP OF CAPITAL STRUCTURE TOWARDS FIRM'S PERFORMANCE: FOCUSING ON THE TECHNOLOGICAL SECTOR Zuraidah Ahmad ¹ *, Nur Liyana Mohamed Yousop ² , Nur 'Asyiqin Ramdhan ³ , Zuraidah Sipon ⁴ , Ruziah A. Latif ⁵ , Suzana Hassan ⁶ , Norhasniza Mohd Hasan Abdullah ⁷ , Ummi Mariah Ismail ⁸	210 - 224
THE MALAYSIAN YOUTH ACCEPTANCE LEVEL ON PLASTIC BAG CAMPAIGN THROUGH THE SOCIAL MEDIA ADVERTISING Noorita bt Mohammad*, Nur Ainiey Aida binti Abdul Ghani ² , Che Ros Alia Che Abdul Ghani ³ , Miza Afifah Mazlan ⁴ , Muhammad Adib Mohammad Bakri ⁵ , Izzul Areef Mohammad Khairi ⁶	225 - 238
MALAYSIAN PRONUNCIATION: IS IT WRONG TO SOUND MALAYSIAN? Nor Asni Syahriza Abu Hassan *, Wan Nurul Fatihah Wan Ismail ² , Nurul Nadwa Ahmad Zaidi ³ , Nurul Hijah Hasman ⁴	239 - 252

PENJANAAN HASIL WAKAF MENERUSI KAEDAH IJARAH DALAM KELESTARIAN SEKOLAH TAHFIZ SWASTA DI MALAYSIA

Noor Syahidah Mohamad Akhir^{*}, Azrul Shahimy Mohd Yusof², Sakinatul Raadiyah Abdullah³, Asmadi Mohammed Ghazali⁴, Rohayati Hussin⁵

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Kedah,

² Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA, Kedah,

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Pahang,

⁴ Faculty of Information Management, Universiti Teknologi MARA, Kedah,

⁵ Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA, Kedah.

ARTICLE INFO

Article history:

Received Feb 2021

Accepted May 2021

Published June 2021

Keywords:

Ijarah, Private Tahfiz Schools, Sustainability, Waqf results,

Hasil wakaf, ijaah, kelestarian, Sekolah Tahfiz Swasta.

Corresponding Author:

noorsyahidah9177@uitm.edu.my

ABSTRACT

Interest from the community to enroll into Tahfiz studies is one of the factor that lead to the annual increase of the number of Private Tahfiz Schools (STS) in Malaysia. Most of these STS are developed from various sources including private capital, student fees, community assistance such as charity and waqf. However, are these institutions able to sustain itself financially amid increasing management and development costs? This paper looks at the financial problems that STSs face, to propose a method that can be applied by certain bodies through the waqf method developed through ijarah, yielding positive results. This paper is a conceptual paper that uses the library data collection method. The results of this paper propose an alternative method in developing waqf through the ijarah method that was applied in the Seetee Aisah waqf land development project. Lastly, the implications of this paper may serve in the development and expansion of waqf to the State Religious Council (MAIN) and the sustainability of STSs in Malaysia.

Permintaan tinggi daripada masyarakat untuk menceburi bidang pengajian Tahfiz menjadi faktor peningkatan jumlah Sekolah Tahfiz Swasta (STS) setiap tahun di Malaysia. Kebanyakan daripada STS ini dibangunkan daripada pelbagai sumber antaranya modal persendirian, yuran pelajar, bantuan masyarakat seperti sedekah dan wakaf. Isunya sejauhmana institusi ini dapat memastikan kelestariannya dari segi pembiayaan kos pembangunan dan pengurusan yang semakin meningkat setiap tahun. Artikel ini melihat permasalahan STS dari segi kewangan. Mencadangkan satu kaedah yang boleh diaplikasikan oleh badan tertentu menerusi kaedah wakaf

yang dikembangkan melalui kaedah ijarah bagi mendapatkan hasil wakaf. Artikel ini merupakan kertas konseptual yang menggunakan kaedah kutipan data perpustakaan. Hasil artikel ini akan memaparkan satu cadangan alternatif dalam mengembangkan wakaf melalui kaedah ijarah yang telah diaplikasikan dalam projek pembangunan tanah wakaf Seetee Aisah. Implikasi artikel ini memberi cadangan idea pembangunan dan pengembangan wakaf kepada Majlis Agama Negeri (MAIN) dan kelestarian STS di Malaysia.

©2021 UiTM Kedah. All rights reserved.

1. Pengenalan

Jumlah Sekolah Tahfiz Swasta (STS) berdaftar di Malaysia sentiasa meningkat setiap tahun (Rujuk jadual 1). Peningkatan jumlah institusi ini dalam setiap negeri di Malaysia dilihat pada rentetan permintaan positif daripada masyarakat. Institusi ini wajar dipertahankan memandangkan ia bukan sahaja mengembangkan ilmu agama, malah memberi sumbangan dalam aspek pendidikan negara.

Walau bagaimanapun, STS menghadapi cabaran dalam memastikan kelestariannya terus utuh khususnya dari segi pembiayaan kewangan yang semakin tinggi setiap tahun. Kewangan yang stabil akan membantu dalam tadbir urus, pengurusan, fasiliti dan tenaga pengajar, seterusnya kelestarian STS dapat dipertahankan.

Pengaplikasian instrumen wakaf sebagai mekanisma yang sesuai untuk kelestarian STS di Malaysia dilihat satu yang relevan untuk dibincangkan dalam kajian ini memandangkan sebahagian STS didirikan dengan mengutip dana wakaf (Abd Rahman Abd Ghani, 2010). Melihat kembali sejarah penubuhan institusi pendidikan Islam juga menerusi kaedah wakaf mampu melahirkan cerdik pandai dan kelestariannya terus utuh sehingga kini seperti Universiti al-Azhar (969M), Universiti Cardova (971), Bait al-Hikmah (975M) dan juga institusi di Nusantara (Siti Mashitoh et al., 2018).

Pengembangan harta wakaf adalah perlu untuk mendapat manfaat daripada hasil wakaf. Justeru, artikel ini melihat wakaf berpotensi sebagai pemankin ekonomi jika ia di kembangkan melalui kaedah *ijarah* (sewaan). Kaedah ini dilihat bermanfaat dalam pembiayaan pembangunan STS di Malaysia yang kebanyakan dibangunkan dengan sumber wakaf.

2. Tinjauan Literatur

Islamisasi di Nusantara khususnya tanah Melayu menjadi pemangkin awal dalam arena pendidikan. Perkembangan dan penyebaran ilmu membuktikan tahap perkembangan kemajuan masyarakat dan kesedaran sosial (Tatiana A. Denisova, 2011). Bermula dengan kewujudan sistem tulisan Jawi dan bacaan al-Quran, masyarakat Melayu telah mula celik huruf (Wan Ali Wan Mamat, 2006). Pada peringkat awal, pengajian al-Quran diajarkan di rumah persendirian untuk menyebarkan ilmu agama. Pengajian ini berkembang dan diajarkan pula di surau, masjid dan istana (Abd Rahman Abd Ghani et.al, 2010). Ia berkembang sebagai institusi pondok dan madrasah yang didirikan di tanah persendirian dan tanah wakaf (Solahudin Ismail, 2018). Hasil dana sedekah dan wakaf institusi ini mampu berkembang dan bertahan sehingga kini. Seiring dengan perkembangannya, kerajaan mengambil inisiatif dengan meletakkan pendidikan Tahfiz di Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 1966. Pada tahun 1984, salah satu jabatan di Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri telah diperkembangkan lagi

dan dikenali sebagai Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat (MTQ). MTQ ini kemudian dinaik taraf sebagai institut dan akhirnya berkembang sebagai Darul Quran yang menawarkan sijil Diploma Tahfiz al-Quran (Murihah Abdullah, 2015).

Di Malaysia, pengajian tahfiz bukan sahaja mendapat tempat di peringkat pengajian tinggi semata-mata, sebaliknya di peringkat sekolah lagi. Terdapat dua jenis pemilikan sekolah Tahfiz, iaitu i) Pemilikan oleh kerajaan, ii) Pemilikan swasta. Sekolah Tahfiz kerajaan (STK) dibiayai dan diuruskan oleh kerajaan persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kerajaan negeri, manakala STS diuruskan oleh individu, organisasi atau badan korporat (Khairunisa, 2017). STS pula terdapat dua jenis sama ada berdaftar dan tidak berdaftar. Kebiasaan STS yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan dipantau dan disalurkan dana bantuan kerajaan mengikut peruntukan belanjawan negara setiap tahun. Peruntukan untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM50 juta untuk STK dan STS yang berdaftar.



Rajah 1: Agihan Peruntukan Belanjawan 2020 Sekolah Agama di Malaysia

(Sumber: Belanjawan 2020, Kementerian Kewangan Malaysia)

Peruntukan dengan jumlah yang sama juga diberikan pada tahun 2019 (Belanjawan Negara 2019). Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut dilihat tidak mencukupi jika dibandingkan dengan jumlah Sekolah Tahfiz (ST), khususnya STS berdaftar yang sentiasa meningkat setiap tahun (Rujuk Jadual 1). Peningkatan jumlah STS setiap tahun menggambarkan permintaan tinggi daripada masyarakat sedangkan jumlah STK tidak begitu banyak dan tidak melibatkan kebanyakan negeri di Malaysia.

Jadual 1 : Statistik Sekolah Tahfiz Swasta Berdaftar di Malaysia

NEGERI	2018	2019	2020 [Sehingga Mac]
Johor	116	135	105
Kedah	66	75	86
Kelantan	50	56	50
Melaka	55	61	61

Negeri Sembilan	24	41	48
Pahang	41	46	61
Pulau Pinang	26	27	39
Perak	66	77	83
Perlis	10	11	11
Selangor	307	377	383
Sabah	24	42	35
Sarawak	12	24	31
Terengganu	Tiada data	26	52
Kuala Lumpur	15	25	23
Wilayah Labuan	2	2	3
Wilayah Persekutuan	1	1	1
Putrajaya			
Jumlah	815	1,026	1,072

(Sumber: Statistik Kelas al-Quran & Fardu Ain dan Sekolah Agama, Bahagian Pendidikan, JAKIM)

Berdasarkan jadual di atas, STS berdaftar pada tahun 2018 adalah sebanyak 815 buah dan meningkat pada tahun 2019 dengan jumlah 1,026 buah. Peningkatan ini terus melonjak pada bulan Mac 2020 sebanyak 1,072 buah. Jumlah STS ini sangat ketara berbanding Sekolah Tahfiz Kerajaan (STK) yang berjumlah 20 buah di beberapa negeri di Malaysia (Statistik 2019, JAKIM).

Jumlah STK yang terhad untuk menampung permintaan tinggi daripada masyarakat menjadikan salah satu faktor pertambahan STS setiap tahun di Malaysia (Noor Hisham Md Nawawi et al., 2014). Hasil soal selidik berhubung faktor yang mempengaruhi individu mengikuti pengajian tahfiz di STS mendapati 52.3% adalah disebabkan sokongan ibu bapa, 42.2% minat diri sendiri dan 1.9% adalah tidak berminat (Farah Ilyani Zakaria, 2018).

Peningkatan jumlah STS dan tiada pertambahan peruntukan kerajaan dilihat suatu kekangan dalam memastikan kelestarian STS di masa hadapan. Kajian terhadap pengurus dan mudir STS di Selangor mendapati bahawa antara permasalahan yang dihadapi mereka ialah kewangan yang tidak mencukupi selain dari masalah prasarana, prosedur pengajaran dan kaedah pembelajaran. Para pengurus dan mudir STS berpendapat bahawa mereka perlu menghadapi masalah kewangan yang agak besar disebabkan sumber kewangan daripada yuran pelajar, derma orang ramai, sumbangan organisasi dan sebagainya tidak mencukupi untuk menampung kos pengurusan STS. Hasil kajian di Tahfiz swasta di Selangor menunjukkan bahawa sumbangan terbesar dalam pembinaan institusi adalah hasil derma masyarakat, iaitu melibatkan 19 buah institusi (42.2%) diikuti oleh dana modal persendirian melibatkan sebanyak 13 buah institusi (28.9%), 8 buah institusi (17.7%) adalah dari sumber wakaf dan 5 buah institusi (11.2%) mendapat bantuan daripada organisasi tertentu (Abd Rahman Abd Ghani, 2010).

Kekangan kewangan pasti menjejaskan pengurusan, seterusnya menjejaskan kualiti pendidikan pelajar tahfiz (Mardhiah Yahaya et al, 2018). Masalah kurangnya sumber kewangan akan menjadi lebih serius di era teknologi masa kini. Pentadbir dan guru perlu menguasai teknologi agar pengurusan dan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) menjadi lebih mudah dan berkesan. Ia sudah tentu meningkatkan kos pentadbiran, peralatan dan latihan yang menjadi beban tanggungan STS (Solahuddin Ismail, 2016). Di samping itu, kewangan yang stabil juga diperlukan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang harmonis dan sesuai untuk proses hafazan (Abdul Hafiz Abdullah et al., 2003).

Untuk mendapatkan keselesaan dan memastikan kelestarian sesebuah institusi dalam keadaan ekonomi yang mencabar, adalah perlu untuk difikirkan alternatif untuk menghadapi situasi

semasa. Merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, kerajaan menyarankan agar institusi pengajian mempelbagaikan sumber pendapatan untuk meningkatkan potensi urus tadbir di institusi masing-masing. Institusi perlu beranjak dari sistem yang sangat bergantung kepada sumber kerajaan kepada keberhasilan seluruh pihak dan mereka disarankan untuk mencari alternatif yang terbaik sebagai sumber dana tanpa terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia). Kebergantungan dana kewangan kepada kerajaan boleh dikurangkan memandangkan kerajaan juga mempunyai keterbatasan untuk terus menyalurkan dana kewangan rentetan keadaan ekonomi semasa ('Ainul Fathiyah Abd Rahim, et al., 2015).

Dapat dirumuskan:

- i) Saranan kerajaan untuk proaktif dalam mencari dana.
- ii) Permintaan tinggi daripada masyarakat.
- iii) Pertambahan STS di Malaysia.
- iv) Masalah pembiayaan kewangan

Hasil daripada masalah yang dikenal pasti, mekanisma yang dilihat dapat memberi manfaat kepada STS di Malaysia dari segi penjana kewangan adalah dengan mengembangkan wakaf untuk mendapatkan hasil wakaf. Kaedah proaktif yang dikenal pasti adalah kaedah *ijarah*.

3. Metodologi Kajian

Artikel ini merupakan kertas konseptual. Kaedah kajian adalah kualitatif dengan menggunakan kajian perpustakaan. Tinjauan literatur dibuat dengan mengumpul data daripada pelbagai sumber dokumentasi berhubung wakaf, *ijarah* dan institusi tahfiz di Malaysia. Sumber primer berhubung dengan data statistik diperolehi daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, manakala sumber sekunder seperti buku, artikel dan tesis sarjana turut dirujuk.

Analisa data menggunakan kaedah deduktif, iaitu mengkhususkan yang umum. Berdasarkan kupasan-kupasan umum, akan dibuat satu kesimpulan khusus berhubung kaedah sewaan terhadap aset wakaf sebagai kaedah penjana hasil atau manfaat wakaf.

Skop kajian ini melibatkan STS berdaftar di Malaysia sahaja. STS tidak berdaftar, STK dan kolej Tahfiz tidak termasuk dalam kajian ini. Hal ini disebabkan jumlah institusi STS lebih banyak dalam setiap negeri di Malaysia. Pada masa yang sama, STS juga dibina menggunakan sumber wakaf. Pengurusan wakaf yang mapan dilihat penting untuk mendapatkan hasil wakaf. Kajian membataskan kaedah *ijarah* sahaja dalam kajian ini. Sewaan aset wakaf dilihat berkesan dalam menjana hasil wakaf. Hasil ini dapat digunakan untuk kelestarian STS di Malaysia.

4. Dapatan Kajian

Sebuah model yang lengkap dan jelas perlu diwujudkan dalam memperkukuhkan sumber kewangan dalam memastikan institusi Tahfiz dapat bergerak dengan lancar (Mardhiah yahaya et al, 2018). Integrasi wakaf dan *ijarah* dilihat sebagai satu alternatif berkesan untuk kelestarian STS memandangkan kebanyakan institusi ini didirikan dengan dana wakaf.

Wakaf merupakan sumbangan kekal yang mampu menjadi satu instrumen penting untuk pembangunan institusi pendidikan samada di peringkat tinggi atau rendah. Pendekatan ini terbukti berdasarkan kajian yang dijalankan oleh para sarjana tempatan dan luar negara. Kajian yang dijalankan oleh (Farahdina, 2019; Sakinatul Raadiyah, 2018; Surita Hartini, 2018 & Hasan

Asya'ari, 2016) bersetuju bahawa wakaf berpotensi tinggi untuk membangunkan ekonomi ummah khususnya dalam bidang pendidikan.

Kaedah *ijarah* dilihat sesuai untuk menyelesaikan masalah kekangan kewangan pelbagai institusi pendidikan termasuk STS di Malaysia. Contohnya, di Indonesia, kebanyakan pondok (pesantren) memajukan institusi mereka dengan mengembangkan harta wakaf melalui kaedah pembiayaan *ijarah*. Hal ini dilihat melalui Pesantren Walisongo Ngabar (Anita, 2015) dan Pesantren Miftahul Ulum al-Yasari (Hasan Asya'ari, 2016) yang menggunakan pendekatan menyewakan bangunan seperti kedai, bilik mesyuarat, ruang parkir dan sewaan premis dalam usaha menjana pendapatan bagi urusan pesantren.

Pendekatan *ijarah* merupakan pendekatan pembiayaan di mana akad *ijarah* dilakukan dengan proses pajakan dan kaedah ini dilihat sebagai alternatif terbaik dalam usaha untuk mengembangkan serta menginovasikan tanah wakaf. Menurut Khalil, Ali, & Shaiban (2014) *ijarah* adalah salah satu alat kewangan Islam paling fleksibel yang boleh digunakan untuk pelaburan hartanah wakaf. Justeru itu, dalam konteks STS di Malaysia, pendekatan kaedah pembiayaan ini dilihat sesuai dan relevan digunakan bersesuaian dengan kondisi semasa hari ini yang menampakkan pertumbuhan STS semakin bertambah selaras permintaan masyarakat Islam khususnya yang ingin menimba ilmu Islam secara lebih konsisten dan bersistematik.


Cadangan alternatif dalam melestarikan pembangunan STS di Malaysia melalui instrumen wakaf dan *ijarah* boleh dirujuk menerusi beberapa kaedah pembangunan wakaf yang telah dilaksanakan dalam pembangunan rumah kedai dan rumah wakaf. Antaranya, kaedah pelaksanaan pembiayaan pembangunan tanah wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam projek pembangunan tanah wakaf Seetee Aisah. Usaha ini bermula apabila MAINPP telah memeterai satu perjanjian usaha sama dengan UDA Holding Bhd pada 12 Ogos 2007. Berdasarkan perjanjian, UDA Land akan membangunkan 76 unit Rumah Teres 2 tingkat dan 9 unit kedai Pejabat 3 tingkat dengan kos pembangunan kasar RM24.09 juta (Sakinatul Raadiyah Abdullah, 2018). Dalam hal ini, MAINPP sebagai *mutawalli** bertindak sebagai pemberi modal dalam bentuk tanah wakaf, manakala UDA Land selaku pemaju akan menyediakan modal dalam bentuk pembiayaan kewangan dan pembangunan (Sakinatul Raadiyah Abdullah, 2018).

Selanjutnya, dalam proses mendapatkan pembiayaan, UDA Land telah menandatangani perjanjian dengan pihak ketiga, iaitu al-Rajhi Bank. Setelah projek siap, UDA Land akan menyerahkan kepada MAINPP secara percuma 9 unit kedai daripada bangunan pejabat 3 tingkat, manakala 76 unit rumah 2 tingkat akan dijual menggunakan kaedah pajakan 99 tahun menerusi Borang 15A KTN (tiada akad jual-beli) (Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Ab Rahman,

* *Mutawalli* adalah orang yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan wakaf dan bergantung kepada ketetapan pewakaf pada surat ikatan wakaf (Razali Othman, 2013). *Mutawalli* juga boleh merujuk kepada sesuatu badan atau institusi pelaksana wakaf yang diiktiraf oleh pemerintah. Pelantikan *mutawalli* dibuat sama ada oleh pewakaf sendiri bagi wakaf khas mahupun pihak berkuasa jika wakaf am (Razali Othman, 2013). *Mutawalli* juga dikenali sebagai nazir. Nazir Khas merupakan *mutawalli* yang dilantik sendiri oleh pewakaf. Di Malaysia, pihak berkuasa yang berperanan sebagai *mutawalli* adalah MAIN. Dalam konteks ini, MAIN sebagai *mutawalli* perlu teliti dalam melaksanakan hasrat pewakaf kerana berdepan dengan kepentingan dan hak masyarakat (Siti Mashitoh Mahamood, 2006).

2012; Zakaria Bahari & Fakhruddin Abd Rahman, 2012). Dalam proses pembelian dan penjualan rumah bagi projek perumahan yang telah dibangunkan di tanah wakaf ini, konsep *tawarruq*[†] turut diaplikasikan di mana pihak bank, iaitu Bank Islam Berhad akan menguruskan perkara berkaitan penjualan dan pembelian rumah teres secara pajakan (*lease*) terhadap pembeli rumah dengan mengaplikasikan konsep *ijarah* selama 99 tahun (Zakaria Bahari & Fakhruddin Abd Rahman, 2012).

Berdasarkan projek pembangunan tanah wakaf Seetee Aisah tersebut, pengkaji tertarik untuk mencadangkan dan mengaplikasikan kaedah yang hampir sama untuk kelestarian STS di Malaysia. Berikut merupakan rajah cadangan melibatkan tiga pihak dengan mengaplikasikan konsep *musyarakah*.



Rajah 2 : Cadangan Kerjasama Tiga Pihak dalam Pembangunan dan Pengembangan Wakaf

[†] *Tawarruq* adalah satu perjanjian pembelian dan penjualan yang membolehkan pembiayaan disalurkan kepada pembeli. Pihak yang terlibat adalah antara pembeli, Bursa Malaysia dan Al-Rajhi Bank. Pembeli bersetuju membayar pajakan kepada MAINPP. Pembiayaan bagi pajakan hartanah tersebut dibiayai oleh bank. Bagi memastikan pembeli dapat membayar pajakan tanah, bank telah membeli kelapa sawit daripada pasaran komoditi dan jual kepada pembeli. Pembeli bersetuju untuk membeli dan menjual semula di Bursa Malaysia bagi mendapatkan tunai. Tunai yang diperolehi dibayar kepada Bank Islam Berhad. Kemudian, pihak bank akan membayar kepada tuan punya tanah iaitu pemaju (Surita Hartini Mat Hassan & Zakaria Bahari, 2017).

Berdasarkan rajah 2, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berperanan sebagai pemegang amanah dalam mengurus dan membangunkan harta wakaf orang Islam di Malaysia. Untuk membangunkan harta wakaf tersebut, MAIN perlu bergerak aktif antaranya berkerjasama dengan badan tertentu seperti syarikat-syarikat korporat. Syarikat korporat kebiasaannya mempunyai dana, keuntungan tahunan dan turut terlibat dengan projek sosial korporat (CSR) (Mohd Yusra Abdullah et al. : 2019).

Dalam konteks ini, kajian mencadangkan agar MAIN sebagai pemegang harta wakaf menyediakan modal berbentuk tanah wakaf kepada syarikat korporat yang layak untuk dimajukan. Syarikat korporat akan membayar sewa tanah kepada MAIN dalam tempoh tersebut. Kebiasaannya syarikat korporat akan mengeluarkan modal atau berkerjasama dengan institusi bank untuk memajukan tanah wakaf tersebut dengan mendirikan bangunan. Bangunan yang dicadangkan di sini adalah bangunan untuk dijadikan sekolah tahfiz yang lengkap dengan aset yang boleh dimanfaatkan dengan kaedah sewaan seperti rumah kedai, dewan, rumah penginapan (*homestay*).

Merujuk kepada projek pembangunan tanah wakaf Seetee Aisah, setelah kerjasama termeterai antara MAIN dan syarikat korporat, beberapa unit bangunan akan diserahkan kepada MAIN dan sebahagian unit pula dimanfaatkan oleh syarikat korporat tersebut dengan kaedah *ijarah* (sewaan). Unit bangunan yang dimiliki oleh MAIN inilah yang dicadangkan untuk menjadi sekolah tahfiz wakaf negeri dan dibuka tender kepada yang layak untuk mengasaskan dan menguruskan institusi tersebut.

Berdasarkan kaedah ini, ketiga-tiga pihak akan mendapat manfaat keuntungan bersama, i) MAIN : berhasil membangunkan harta wakaf disamping manfaat sewaan untuk kegunaan ummah, ii) Syarikat korporat : mendapat manfaat dari segi keuntungan dengan dapat menyewakan/pajakkan beberapa lot rumah kedai. Pada masa yang sama dapat menjayakan projek-projek CSR dalam membangunkan ummah, iii) Pengurus Tahfiz : dapat memberi fokus dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan mudah tanpa perlu mencari dana antaranya sedekah daripada orang ramai untuk membangunkan fasiliti institusi. Justeru kaedah *ijarah* atau sewaan dilihat mampu memberi pulangan dari segi manfaat wakaf kepada pelbagai pihak khususnya dalam kelestarian STS di Malaysia.

5. Kesimpulan

STS di Malaysia berkembang pesat rentetan daripada permintaan tinggi daripada masyarakat untuk melahirkan anak-anak cintakan al-Quran. Walau bagaimanapun, STS dilihat gigih untuk mendapatkan dana kewangan bagi kelestarian institusi tersebut. Kajian melihat kaedah wakaf berpotensi tinggi dalam menjana ekonomi umat. Walau bagaimanapun, wakaf yang tidak diuruskan dengan betul dan tidak dikembangkan dilihat tidak begitu mendatangkan hasil yang maksimum. Justeru, harta wakaf perlulah dikembangkan dan diusahakan untuk mendapatkan keuntungan hasil yang boleh dimanfaatkan oleh kebanyakan pihak. Menerusi artikel ini, pengembangan harta wakaf dikembangkan menerusi kaedah *ijarah*. Kaedah *ijarah* ini dilihat dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak jika ia diurus dengan baik. Ia terbukti berkesan berdasarkan beberapa projek yang telah dijalankan antaranya projek pembangunan tanah wakaf Seetee Aisah. Kaedah yang sama dilihat berpotensi untuk diaplikasikan dalam pembangunan institusi tahfiz di Malaysia. Kebarangkalian sebuah STS wakaf dalam setiap negeri di Malaysia mampu dibangunkan dan memanfaatkan pelbagai pihak.

Penghargaan

Artikel ini dibawah skim geran FRGS (FRGS/1/2019/SS103/UITM/02/1, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), projek "Pembinaan Model Integrasi Wakaf dan Ijarah dalam Kelestarian Sekolah Tahfiz Swasta di Malaysia".

Rujukan

- 'Ainul Fathiyah Abdul Rahim et al., & Mohamad Zaini Abu Bakar (2015). "Globalisasi dan Cabaran Sekolah Pondok di Malaysia", dlm. *Ilmu, Tradisi dan Kelestarian dalam Kearifan Tempatan*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abd Rahman Abd Ghani, Mohd Khafidz Soroni, Noorhafizah Mohd Haridi, Zainora Daud, Azmil Hashim & Wan Sabariah Wan Yusoff (2010). *Pengurusan institusi tahfiz persendirian di negeri Selangor* (Laporan Penyelidikan). Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Kajang, Selangor.
- Abdul Hafiz Abdullah, Ajmain Safar, Mohd Ismail Mustari, Azhar Muhammad & Idris Ismail (2003). *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz* (Laporan Penyelidikan). Universiti Teknologi Malaysia, Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial, Skudai, Johor Bahru.
- Anita, Fitriana (2015). *Model Pembangunan Wakaf Produktif di Pondok Pesanten Walisongo Ngabar Ponorogo*, Undergraduate thesis, STAIN Ponorogo.
- Belanjawan 2020, Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Farah Ilyani Zakaria et. Al (2018), *Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta*, Jurnal Pendidikan Malaysia, 1(1) (2018): 141-148.
- Farahdina Fazial (2019). *Kelestarian Mekanisme Pembiayaan Pembangunan Wakaf Institusi Pondok di Negeri Kedah*, Tesis Ph.d, Universiti Sains Malaysia.
- Farahdina Fazial (2015). *Penjanaan Pembiayaan Pembangunan Lestari Pondok An-Nahdhoh (PAN), Kubang Semang, Pulau Pinang melalui Instrumen Wakaf*, Disertasi, Universiti Sains Malaysia.
- Hasan Asy'Ari (2016). *Pengelolaan dan Pengembangan Wakaf Produktif di Yayasan Pondok Pasantren Miftahul Umum al-Yasani*, Undergraduate thesis, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.
- Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Abd Rahman (2012). *Pengurusan Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Terhadap Wakaf Seetee Aishah*. *International Journal of Management Studies* 9 (2), hlm. 103–123 (2012).
- Khairunisa Md Nordin, Maheran Katan, Hamidah Bani, Abd Halim Mohd Noor, & Mohd Yassir Jaaffar. (2017). Differences in ownership structure and management practices among tahfiz institutions in Malaysia. In 5 th Southeast Asia International Islamic Philanthropy Conference Southeast Asia International Islamic Philanthropy Conference (pp. 67–74).

- Khalil, I. A., Ali, Y., & Shaiban, M. (2014). *Waqf fund management in Kuwait and Egypt: Can Malaysia learns from their experiences*. In International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014) (pp. 69–83).
- Noor Hisham Md Nawi et al. (2014). *Matlamat dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal*.
- Mardhiah Yahaya, Zetty Nurzuliana Rasheed & Aslam Farah Selamat (2018). *Isu dalam pendidikan tahfiz: satu analisis*. Presented at E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan, Kajang, Selangor.
- Mohd Yusra Abdullah, Muaz Mohd Noor, Mohammad Taqiuddin Mohamad, Mohamad Solahuddin Shahrudin, Mohd Norazri Mohammad Zaini, Mohd Paidi Norman (2019), *Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) : Penglibatan Institusi Perbankan Berasaskan Islam Terpilih Di Malaysia Dalam Industri Wakaf*, Jurnal of Islamic Philanthropy & Social Finance, Vol.2, no.1.
- Murihah Abdullah & Mohd Faez Ilias (2015). *Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Suatu Sorotan*, International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship, Langkawi, Kedah.
- Razali Othman (2013). *Penggunaan Wang Dalam Wakaf Tunai: Satu Analisis dari Perspektif Wang Fiat*. Artikel dibentangkan di *Workshop Antarabangsa Pembangunan Islam (WAPI 6)*, anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dengan kerjasama Universiti Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), di UMSU, Medan pada 22 April 2013.
- Sakinatul Raadiyah Abdullah (2018). *Kaedah Pembiayaan Pembangunan Tanah Wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Terpilih di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Siti Mashitoh Mahamood & Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy (2018). "Wakaf Institusi Pendidikan" dalam. *Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan*, Putrajaya: JAWHAR.
- Solahuddin Ismail (2016). *Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran*. Presented at *Simposium Antarabangsa Tahfiz* sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran, Bangi, Selangor.
- Surita Hartini Mat Hassan (2018). *Kelestarian Pembangunan Harta Wakaf: Analisis Terhadap Perumahan Wakaf di Pulau Pinang*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- Siti Nadiah Mohd Ali, Abd Halim Mohd Noor, Nor Nazihah bt Chuweni, Nor Rashidah Paujah Ismail, Farhan Md Dahlan, Mohd Saifol Amri Shari (2016), *Integrating Awqaf and Zakat: A Case Study of Land Development for the Poor in State Islamic Religious Councils Terengganu, Malaysia, Contemporary issues and development in the global halal industry*, Springer, Singapore.
- Statistik 2019 Kelas al-Quran & Fardu Ain dan Sekolah Agama*, Bahagian Pendidikan, Putrajaya: JAKIM.
- Tatiana A. Denisova. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Wan Ali Wan Mamat. (2006). Sejarah dan Pertumbuhan Skrip Jawi, dlm. *Tulisan Jawi Sehimpuan Kajian*, Shah Alam: UPENA.

Zakaria Bahari & Fakhruddin Abd. Rahman (2012). *Modes and Risk of Financing for Waqf Development: The case of Seetee Aisyah waqf in Penang, Malaysia*. Siri Kertas ISDEV, No. 37. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), USM.



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

ISSN: : 1985-5079